UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+

TOP 126 UI GreenMetric World University Rankings

MDEC Premier Digital Tech Institution

THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200

MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

Contents

e-FinLex (e-FINANCIAL LEXICON) 349

Umi Insyirah Pakasa[1], Joycelyne Anak Nyandang[2]*, Norazimah Mejri[3] & Azlan Yusof Punding[4] 349

PRESERVING AND PROMOTING *DONDANG SAYANG* THROUGH MUSIC TRANSCRIPTION AND EDUCATION 353

Md Jais Ismail[1*], Tee Yong Lai[2] & Vinisha Rajendran[3] 353

INNOVATIVE PROBLEM SOLVING AND VISUALIZATION LEARNING AIDS (PROVA) FOR EXTREMUM OF FUNCTIONS 358

Ng Set Foong[1*] & Foo Fong Yeng[2] 358

TIME TO ENGLISH (TTE): TYPES OF SENTENCE 362

Nur Fadzilah Muhamad Zamani[1]*, Ira Syaqira Sukimin[2], Norhafizah Amir[3], Shahira Adam[4] & Susanna Bithiah Varma[5] 362

EMPOWERING STUDENTS WITH THE 4P'S SOMA FRAMEWORK: A NEW APPROACH TO CRITICAL THINKING AND REFLECTIVE LEARNING 366

Arenawati Sehat Binti Omar[1]* & Zalina Binti Mohd. Desa[2] 366

INNOVATIVE ANDRAGOGY: LEVERAGING AI AND ONLINE PLATFORMS TO ENHANCE ADULT LEARNING OUTCOMES 372

Hamidah Md Yusop[1*] & Zoel-Fazlee Omar[2] 372

MOOC WAVES AND OPTICS 376

Mohd Zaki Mohd Yusoff[1]*, Muhammad Firdaus Othman[2], Suraya Ahmad Kamil[3], Siti Zafirah Zainal Abidin[4] & Zalina Zainal Abidin[5] 376

PADLET UNBOXED: THE DIGITAL ENGAGEMENT EXPERIENCE 379

Nur Shuhada Ya'acob[1*] 379

CTU EASY ACCESS CENTER 383

Syaimak Ismail[1]* & Azhar Abdul Rahman[2] 383

KAEDAH ORANG LIDI (PIK) DALAM PENULISAN KARANGAN BM SPM KSSM 387

Mohamad Jalil bin Mohamad Yunus[1*] & Norhayati binti Mat Ali[2] 387

UTILIZING MOOCS FOR HOLISTIC LEARNING IN HALAL CERTIFICATION STANDARDS AND QURANIC AND HADITH COURSES 392

Nurulaina Saidin[1]*, Mohd Ashrof Zaki Yaakob[2], Fadilah Abd Rahman[3] Mohd Asmadi Yakob[4] & Hanifah Musa Fathullah Harun[5] 392

DbAPedia – LEARNING PLATFORM FOR DATABASE ADMINISTRATION COURSE 396

Norshadila Ahmad Badela[1*] & Mohd Noor Halmy Ab Latif[2] 396

ENGINEERING DESIGN: A GUIDE TO FINAL YEAR PROJECT (FYP) 400

Matzaini Katon* & Norhanifah Abdul Rahman 400

ENHANCING HTML LEARNING THROUGH REAL-TIME OPEN-SOURCE TOOLS 404

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

KAEDAH ORANG LIDI (PIK) DALAM PENULISAN KARANGAN BM SPM KSSM

Mohamad Jalil bin Mohamad Yunus[1*] & Norhayati binti Mat Ali[2]

*Corresponding author: jalilyunus@gmail.com

ABSTRAK

Kaedah Orang Lidi (PIK) ini bertujuan untuk membantu murid dalam menguasai kemahiran menulis karangan BM SPM KSSM yang membawa nilai markah terbesar iaitu 70 markah. Kami memfokuskan kepada bahagian penting dalam penulisan karangan; iaitu Pendahuluan, Isi dan Kesimpulan (PIK) yang digambarkan dalam lakaran Orang Lidi. Tinjauan awal didapati murid menghadapi masalah dalam memulakan karangan dan tidak tahu bahagian penting (PIK) yang perlu ada dalam sesebuah karangan. Adalah sangat penting untuk murid-murid mengetahui bahagian-bahagian penting dalam penulisan karangan. Kaedah Orang Lidi ini kami jalankan dengan menggabungkan kaedah lukisan dalam PdPc Bahasa Melayu. Kami menggunakan pendekatan lukisan Orang Lidi untuk menjelaskan bahagian-bahagian penting dalam penulisan karangan. Menulis karangan lebih jelas dengan menggunakan kaedah ini. Kami menggunakan inovasi ini kurang lebih 15 tahun. Pada tahun 2019 Kaedah PIK dalam penulisan karangan telah memenangi anugerah emas. Pada tahun tersebut, SPM masih lagi berteraskan KBSM. Apabila ada sedikit perubahan dalam menjawab soalan karangan BM SPM KSSM, kami telah menginovasikan Kaedah Orang Lidi (PIK) dengan cara yang lebih berbeza, mudah dan senang dikuasai. Kaedah ini telah dimuatkan dalam bentuk Kit Pembelajaran BM SPM Cikgu Jay (Jalil & Yati) yang telah terjual sebanyak 28 ribu buah naskhah sejak 2022 hingga 2024. Kaedah ini pernah membawa Cikgu Jay memenangi Anugerah Guru Inovatif peringkat negeri Selangor pada tahun 2019.

KATA KUNCI: PIK, Orang Lidi, BM SPM KSSM, Karangan

MASALAH DAN OBJEKTIF


Masalah yang dihadapi oleh calon-calon SPM bermula sesi 2021 ialah masalah untuk memulakan karangan, mengembangkan perenggan isi dan masalah untuk membuat kesimpulan dalam karangan. Tambahan lagi, murid perlu menulis karangan dalam jumlah perkataan yang telah dihadkan. Kaedah Orang Lidi ini akan dapat membantu murid:

a. membina perenggan pendahuluan secara sistematik dan teratur, mengembangkan perenggan isi dengan cara yang mudah, matang dan berkesan, dan membina perenggan kesimpulan dengan baik dan tersusun.
b. menulis karangan dalam jumlah yang telah dihadkan.


PENERANGAN REKA BENTUK


Kaedah Orang Lidi (PIK) dalam penulisan karangan BM SPM KSSM jelas menunjukkan bahagian penting dalam penulisan sesebuah karangan. PIK merujuk kepada bahagian penting dalam penulisan karangan; iaitu: P – Pendahuluan, I – Isi dan K – Kesimpulan. Dua orang lidi dilukiskan bagi menunjukkan karangan Bahagian A dan Bahagian B. Setiap bahagian dijelaskan dalam bentuk lukisan. Setiap eleman bahagian dalam Orang Lidi menjelaskan bahagian penting dalam karangan. Situasi melukis orang lidi dan dalam memahami bahagian penting dalam karangan menjadi lebih seronok.


e-ISBN: 978-967-0033-31-0












Ujian Pra




Ujian Post

VISUAL


Kaedah Orang Lidi (PIK) dilukis dan ditulis untuk suasana PdPc yang lebih menarik. Setiap bahagian dalam karangan ditekankan dalam setiap bahagian Orang Lidi.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0



Jadual dan Graf 1. Sampel murid yang dinilai untuk karangan Bahagian A Karangan BM SPM KSSM.

Bil	Nama	Ujian Pra	Ujian Pos
1.	Murid 1	20	27
2.	Murid 2	20	28
3.	Murid 3	23	29
4.	Murid 4	22	28
5.	Murid 5	22	29
6.	Murid 6	23	29
7.	Murid 7	20	29
8.	Murid 8	25	29
9.	Murid 9	20	29
10.	Murid 10	25	30



Jadual dan graf di atas menunjukkan markah murid sebelum dan selepas Kaedah Orang Lidi (PIK) diperkenalkan. Jumlah peningkatan markah murid dapat dilihat dalam setiap sampel. Hal ini menunjukkan fahaman murid menjadi lebih baik selepas mempelajari Kaedah Orang Lidi (PIK) dalam penulisan karangan BM SPM KSSM.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

NOVELTI DAN KEUNIKAN

Dapat kita lihat dalam buku rujukan Seni Mengarang (Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor, 2004), penulisan karangan memerlukan bahagian penting seperti pendahuluan, perenggan isi dan kesimpulan. Kami terpanggil untuk mengajar penulisan karangan dalam situasi yang menyeronokkan. Maka, wujudkan Kaedah Orang Lidi (PIK) dalam karya kami. Kami menggunakan kaedah ini dalam setiap seminar yang diadakan di serata negara. Hampir 10 ribu murid yang menggunakan kaedah ini dalam menjawab soalan karangan BM SPM KSSM. Lebih unik lagi ialah kaedah ini boleh diaplikasikan kepada murid kelas depan ataupun kelas kurang menguasai. Kaedah ini pernah digunakan di SMK Bakong, Miri dan di SMK Jalan Empat, Bandar Baru Bangi. Dengan kaedah ini, murid saya telah memenangi pencapaian dalam pelbagai pertandingan menulis esei; iaitu:

- Johan Pertandingan menulis esei Sempena Hari Meteorologi Sedunia 2015.
- Pemenang Saguhati Pertandingan Esei Bahasa Melayu Sempena Hari Pengguna Malaysia 2015 dan 2016.
- Tempat Ketiga Pertandingan Menulis Esei Bahasa Melayu Sempena Hari Pengguna Malaysia 2016.
- Johan Pertandingan Esei Komuniti Ekonomi ASEAN tahun 2018.

MANFAAT

Kaedah ini tidak menggunakan helaian kertas yang banyak untuk memberi fahaman tentang penulisan karangan kepada murid-murid. Hal ini menunjukkan hanya dengan sehelai kertas, murid akan dapat memahami teknik menulis karangan yang baik untuk Bahagian A dan Bahagian B. Impak kepada murid ialah murid akan dapat memahami cara menulis karangan yang mudah dan dapat memberikan fokus kepada subjek lain. Kaedah Orang Lidi (PIK) memerlukan murid untuk menghafal, mengaplikasi dan mudah dalam penulisan karangan serta dapat menulis dalam tatacara penulisan karangan yang teratur. Kaedah ini sesuai untuk guru dan murid dalam PdPc, Orang Lidi (PIK) lebih kepada perincian kaedah pembelajaran dan banyak digunakan dalam kelas dan seminar-seminar. Guru dan murid telah mengetahui bahawa mesti memasukkan elemen pendahuluan, isi dan kesimpulan, tetapi masih lagi sukar untuk memandu murid. Dengan kaedah ini, sesi PdPc menjadi lebih mudah dan seronok.

POTENSI KOMERSIAL

Kaedah Orang Lidi (PIK) ini berpotensi dipasarkan kepada kegunaan pelbagai pihak:
Murid – Kaedah ini membantu murid untuk mengukuhkan cara penulisan karangan.
Guru – Kaedah ini membantu guru untuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih mudah, menarik dan berkesan.
Ibu bapa – Dengan Kaedah Orang Lidi (PIK), ibu bapa dapt memahami komponen asas dalam karangan dan mudah untuk membantu anak-anak dengan bantuan youtube Cikgu Jay.

Tidak sekadar itu sahaja, kami telah menghasilkan inovasi ini dalam pelbagai bentuk, sama ada buku ataupun siaran media sosial. Kami juga telah menerbitkan Kit Pembeljaran BM SPM Cikgu Jay yang diperoleh dengan harga RM4.50/naskhah. Murid, guru dan ibu bapa boleh menonton penjelasan tentang penggunaan Kaedah Orang Lidi (PIK) dalam Penulisan Karangan BM SPM KSSM menerusi pautan youtube: https://youtu.be/oy6EA7mDspw

KESIMPULAN

Kaedah Orang Lidi (PIK) dalam Penulisan Karangan BM SPM KSSM secara keseluruhannya ialah suatu kaedah yang dapat memudahkan murid dan guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di dalam kelas. Sangat mudah untuk diaplikasikan. Mudah,

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

cepat, ringkas dan padat. Kaedah ini akan membantu murid yang ingin skor dalam subjek BM SPM. Bukan sahaja dikhususkan kepada murid sahaja, malah siarang youtube Cikgu Jay telah menjadi siaran tontonan seisi keluarga. Semoga kaedah ini dapat membantu golongan yang memerlukan ke puncak jaya dengan jayanya.

RUJUKAN

Sulaiman Masri, & Ahmad Khair Mohd Nor. (2004). *Seni Mengarang*. Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.

Azizul Rahman Abdul Rahman, Datin Mariam Mehad, & Mohd Azam Ahman. (2010). *Transformasi Penulisan Bahasa Malaysia SPM.* Bangi, Selangor. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Institut Aminuddin Baki. (2022). *Prosiding Seminar Nasional.* Bandar Enstek. Giga Wise Network Sdn. Bhd.